

01 NOV 2002

MAHATHIR-WANG SYILING DAN KERTAS/I

PERLU MAJUKAN PASARAN SEKUNDER BAGI WANG SYILING/KERTAS BARU DAN LAMA

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata perlunya untuk terus memupuk dan memajukan pasaran sekunder bagi urus niaga kedua-dua wang syiling dan kertas yang baru dan lama.

Usaha-usaha patut dilakukan untuk mewujudkan infrastruktur bagi menyokong transaksi di kalangan para pengumpul dan peniaga pasaran sekunder.

Bagi memudahkan lagi transaksi-transaksi ini, satu cara sistematik dalam menyebarkan maklumat di kalangan peserta pasaran patut dibangunkan, kata beliau.

Ini termasuklah mewujudkan pembentukan sebuah pasaran (bursa) formal untuk pasaran sekunder, kata Dr Mahathir yang juga merupakan Menteri Kewangan.

Pasaran ini akan membantu menyediakan integriti bagi proses urus niaga pengumpul wang-wang ini, kata Dr Mahathir dalam ucapan perasmian pada Persidangan Wang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIMOF) 2002 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini. Ucapannya dibaca oleh Timbalan Menteri Kewangan Datuk Chan Kong Choy.

Dr Mahathir berkata pembangunan pasaran sekunder amat penting untuk mengekalkan minat yang berterusan di kalangan pengumpulan numismatik (duit syiling), sambil menambah ini memerlukan komitmen padu semua pihak, termasuklah kilang wang, pengumpul wang dan peniaga pasaran sekunder.

Dalam konteks ini, beliau berkata peranan Royal Mint of Malaysia sepatutnya diperluaskan melangkaui bukan sahaja menghasilkan wang syiling untuk edaran umum.

Ia patut memainkan peranan yang lebih penting dalam mempromosikan minat pengumpulan di Malaysia dan rantau ini, tegas perdana menteri.

Dr Mahathir berkata terdapatnya potensi besar bagi mutu koleksi dan barangan hadiah dan dianggarkan pelawat yang melawat Malaysia membelanjakan kira-kira RM9 bilion setahun untuk membeli barangan.

"Kira-kira 20 peratus daripada jumlah ini dibelanjakan untuk produk koleksi, dan oleh yang demikian terdapat kira-kira RM1.8 bilion daripada pasaran ini yang boleh diterokai."

Dr Mahathir berkata Royal Mint of Malaysia juga mampu bukan sahaja mengeluarkan syiling edaran, tetapi juga numismatik tulen dan barangan koleksi untuk kedua-dua pasaran domestik dan eksport.

Numismatik, kata beliau, merupakan satu hobi bermanfaat memandangkan pengumpulan wang syiling yang jarang boleh didapati boleh jadi satu bentuk pelaburan kerana nilai wang syiling itu mungkin boleh meningkat mengikut waktu.

Contohnya, wang syiling 10 sen Malaysia yang diterbitkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 1971 diniagakan pada kira-kira RM120 sekeping di kalangan pengumpul wang syiling. Ini ialah kerana ia sukar dimiliki ekoran pengeluarannya yang terhad iaitu hanya kira-kira 48,000 keping sahaja.

Sementara itu KLIMOF 2002 yang diadakan hari ini merupakan platform untuk mengumpulkan mereka yang terlibat di dalam industri wang, pelaburan dan pengumpulan koleksi memaparkan kepakaran dan produk masing-masing. Sejumlah 15 kilang wang, pembekal dan peniaga dari seluruh dunia menampilkan produk mereka pada pameran yang berlangsung selama tiga hari itu. -- BERNAMA

AKT SHY AA

